

PENGUNAAN DINAR EMAS SEBAGAI MEDIUM BERWAKAF: ANALISIS HADIS-HADIS TERPILIH

THE USE OF GOLD DINAR AS A MEDIUM OF WAQF: AN ANALYSIS OF SELECTED HADITHS

Che Khadijah Hamid^{1*}
Salimah Yahaya²
Nur Ainina Mohd Fauzi³
Surita Hartini Mat Hassan⁴
Sakinatul Raadiyah Abdullah⁵

^{1*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu Branch, Malaysia.
(E-mail: chekhadijah@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu Branch, Malaysia.
(E-mail: salimahyahya@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Terengganu Branch, Malaysia.
(E-mail: aininafauzi@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Pahang Branch, Malaysia.
(E-mail: suritahartini@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kedah Branch, Malaysia.
(E-mail: sakinatulraadiyah@uitm.edu.my)

*Corresponding author: chekhadijah@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Hamid, C. K., Yahaya, S., Mohd Fauzi, N. A., Mat Hassan, S. H., & Abdullah, S. R. (2025). Penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf: Analisis hadis-hadis terpilih. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 1040 - 1053.

Abstrak: Amalan berwakaf dilihat dapat memberi kesan yang besar ke arah memperoleh sumber kekayaan yang membawa kepada pembangunan dan kemajuan secara menyeluruh. Amalan berwakaf menggunakan wang fiat merupakan instrumen yang diguna pakai dalam kebanyakan kaedah wakaf tunai pada hari ini. Kajian ini melihat bahawa permasalahan yang ada pada sifat wang fiat boleh mengganggu gugat elemen kekekalan ain' dalam amalan wakaf tunai. Oleh yang demikian, kajian ini umumnya bertujuan meneliti potensi penggunaan dinar emas sebagai medium berwakaf. Penelitian ini bertujuan mengenal pasti asas dinar emas sebagai medium berwakaf. Beberapa persoalan berkaitan asas dikemukakan, asasnya sebagai medium berwakaf dalam Quran dan Hadis. Justeru itu, kertas kerja ini akan memfokuskan analisis ke atas dinar emas sebagai medium berwakaf bertujuan mengenal pasti asas dinar emas sebagai medium berwakaf berdasarkan Hadis menurut pandangan sarjana Islam. Kajian ini berbentuk penerokaan, maka pengumpulan data diperoleh daripada kajian dokumen. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati, pertama tidak ada Hadis yang menerangkan tentang wakaf menggunakan dinar emas. Kedua, perbincangan dalam Hadis tentang wakaf dan dinar emas adalah lebih terperinci. Ketiga, keselarian antara amalan sedekah dan dinar emas sebagai barang berharga hampir sama dalam Quran dengan Hadis.

Sehubungan dengan itu, hasil perbincangan mendapati bahawa terdapat penggunaan dinar emas dalam konteks bersedekah sebagaimana amalan wakaf.

Kata kunci: *Wakaf, Wakaf Tunai, Dinar Emas, Hadis*

Abstract: *The practice of waqf plays a significant role in generating wealth resources that contribute to holistic development and progress. In contemporary applications, fiat money is widely used as the main instrument in cash waqf. However, the inherent weaknesses of fiat currency raise concerns about its ability to preserve the element of perpetuity ('ain) in waqf. Accordingly, this study aims to explore the potential of the gold dinar as an alternative medium for waqf. The study examines the foundational basis of the gold dinar as a medium of waqf, particularly within the Qur'an and Hadith. As an exploratory study, data were collected through document analysis and examined using content analysis methods. The findings reveal three key points: first, no Hadith explicitly mentions waqf using the gold dinar; second, discussions in the Hadith on waqf and the gold dinar are more elaborate; and third, the Qur'an and Hadith both highlight parallels between charity and the gold dinar as a valuable asset. Thus, the study concludes that the gold dinar, when contextualised within acts of charity, demonstrates a strong relevance to the practice of waqf.*

Keywords: *Waqf, Cash Waqf, Gold Dinar, Hadith*

Pengenalan

Amalan wakaf mempunyai pengertian yang membawa manusia ke arah kebaikan dan sesuatu yang tidak membebankan untuk diamalkan. Dengan sebab itu, penekanan kepada amalan wakaf adalah bermatlamat sebagai amalan kebajikan yang dilakukan untuk memperolehi pahala yang berkekalan selama mana harta yang diwakafkan tersebut masih berguna dan bermanfaat kepada orang lain (Abd Shakor Borham, 2011). Dalam pada itu, pentakrifan oleh para fuqaha secara jelas melihat bahawa amalan wakaf sebagai satu bentuk kontrak muamalat yang melibatkan dalil, hukum, rukun dan syarat bagi memastikannya sah di sisi Islam terutama membabitkan mekanisme dan jenisnya (Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd Isa Mohd Deni & Hairullfazli Muhammad Som, 2015). Secara jelasnya apabila berbalik kepada situasi pada masa ini, bentuk harta wakaf alih seperti wakaf tunai dilihat semakin popular dan mendapat perhatian yang lebih khusus oleh pihak pengendalian harta-harta wakaf. Perkara ini disokong oleh kajian Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan dan Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016) yang memberi bayangan tentang situasi suatu ketika dahulu bahawa peranan wakaf telah mengalami kemerosotan kerana tidak diurus secara efisien sebagai sebuah institusi kebajikan yang mempunyai fungsi dan kekuatan ekonomi, namun menurut mereka kesedaran bagi memberi nafas baharu terhadap fungsi wakaf semakin mendapat perhatian umat Islam terutama wakaf tunai.

Oleh kerana itu, pelaksanaannya semakin meluas dan menjadi salah satu bentuk wakaf yang boleh dikatakan bersifat moden dan dilihat memberi pulangan yang lebih baik kepada masyarakat. Bentuk perwakafan seperti wakaf tunai seumpama terbukti berkesan melalui produktiviti yang terhasil dibandingkan dengan wakaf tanah dan wakaf bangunan yang hanya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat yang berlegar di kawasan tanah dan bangunan yang diwakafkan sahaja. Keterhadan ini terjadi apabila harta-harta yang diwakafkan terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai untuk pembangunan. Rentetan masalah

tersebut, pembangunan harta wakaf sebegitu sukar untuk dikembangkan dan dimajukan (Muhammad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli, 2015).

Pada dasarnya, definisi kepada dinar menurut etimologi adalah diterjemah sebagai kepingan wang emas yang dijadikan mata wang. Penggunaan dinar lebih sinonim sebagai mata wang di negeri-negeri Arab (PRPM @ DBP Malaysia, 2008). Bagi Zaharuddin Abd. Rahman (2014), beliau mengemukakan bahawa emas turut dilihat sebagai pelaburan jangka panjang yang baik kerana mempunyai ciri-ciri pelaburan yang stabil walaupun berlangsung dalam jangka masa yang panjang. Berdasarkan Yusuf al-Qaradawi (1997) memperihalkan bahawa emas dan perak adalah sumber galian yang mempunyai nilai tersendiri. Kedua-dua jenis galian tersebut mempunyai sifat yang berharga dan boleh digunakan sebagai suatu yang bermanfaat walaupun ketika barangan tersebut tidak digunakan sebagai wang.

Dalam pada itu, Krishna Adityangga dan Siti Murtiyani (2009) pula menjelaskan bahawa dinar emas dikategorikan sebagai mata wang Islam yang dijadikan sebagai mata wang yang bersifat stabil, bebas daripada riba dan sebahagian daripada sumber kewangan Islam. Selain itu, menurut Nuradli Ridwan Shah Mohd Dali, Bakhtiar Alrazi dan Hanifah Abdul Hamid (2004) menyatakan dinar emas merupakan salah satu peringkat dalam sejarah sistem pembayaran.

Justeru, penekanan terhadap penelitian Hadis dikemukakan kerana dua kepentingan untuk kajian ini. Pertama, dalil-dalil mengenai wakaf adalah bersifat umum dalam Quran, jadi penjelasan menerusi Hadis tentang wakaf akan lebih menonjol dan meluas. Penelitian kepada konsep wakaf penting kerana daripada perbincangan konsep wakaf itulah pengkaji dapat menilai sama ada wujud wakaf yang mengguna pakai konsep emas atau dinar emas. Kedua, penelitian ke atas Hadis penting kerana sumber rujukan kedua dalam Islam selepas Quran. Oleh yang demikian, penelitian Hadis mengenai wakaf menjadi keperluan bagi menjawab persoalan kajian ini.

Metode Kajian

Kajian ini bersifat kajian kualitatif yang ditumpukan kepada kajian berbentuk penerokaan. Pengumpulan data dalam kajian ini adalah diperolehi hasil daripada kajian dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

Hasil Kajian dan Perbahasan

i. Hadis Mengenai Wakaf

Secara umumnya, terdapat beberapa Hadis yang menyentuh perihal berkaitan wakaf. Berdasarkan penelitian, Hadis mengenai wakaf turut dikaitkan dengan amalan bersedekah. Antaranya adalah Hadis Rasulullah SAW bersabda:

“Apabila telah wafat anak Adam, maka terputuslah (pahala) amalnya kecuali tiga perkara. Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdoa untuknya (ibu bapa)”

(Bukhari & Muslim:1631).

Berdasarkan Hadis tersebut, terdapat tiga perkara yang akan dihisab oleh Allah SWT kepada hamba-Nya setelah meninggal dunia kelak. Perkara pertama adalah sedekah jariah, kedua ilmu yang dimanfaatkan dan seterusnya doa anak-anak yang soleh kepada kedua-dua ibu bapanya. Berdasarkan tiga perkara yang dikemukakan, jelas bahawa amalan bersedekah adalah antara amalan kebaikan yang memberi manfaat walaupun setelah kematian. Amalan sedekah ini

dikaitkan secara langsung dengan konsep berwakaf. Ulama telah mentafsirkan perkataan sedekah dalam Hadis tersebut dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain pahalanya tidak mengalir seperti sedekah atau wakaf (Asmak Ab Rahman, 2009).

Jika diteliti, manfaat wakaf telah jelas dikemukakan iaitu pahala pewakaf tetap kekal walaupun sudah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, apabila menyentuh berkenaan konsep wakaf, huraian berkaitan dengannya agak terbatas. Pertama, konsep wakaf tidak dibincangkan dengan lebih jelas antaranya persoalan-persoalan seperti bentuk perwakafan, jenis barangan yang boleh diwakafkan, apakah harus diwakafkan dan berapa banyak bilangan yang perlu diwakafkan. Oleh yang demikian, Hadis berikutnya diteliti untuk memahami tentang konsep wakaf. Berdasarkan Hadis yang lain, diceritakan bahawa:

“Umar bin Al-Khattab telah mendatangi Nabi SAW, lalu berkata, “Wahai Rasulullah SAW, saya memperolehi tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali harta yang lebih daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepadaku?” Nabi menjawab, Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah dengannya. Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi tanah itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang-orang fakir, hamba, di jalan Allah, orang yang di perjalanan, dan memakan sebahagian daripadanya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkaya diri”

(Sahih Muslim: 3085).

Hadis ini jelas menunjukkan penggunaan medium berwakaf, antaranya hasil bumi tanah di Khaibar. Seterusnya, maksud wakaf adalah menahan. Penahanan terhadap harta wakaf tersebut dinyatakan dengan jelas antaranya tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak diwariskan. Selain itu, dinyatakan juga melalui Hadis ini golongan yang layak mendapat manfaat iaitu orang-orang fakir, hamba dan orang musafir. Kemudian, tujuan berwakaf juga turut diajukan, iaitu bertujuan kebaikan dan bukannya untuk menunjuk-nunjuk kemewahan dan kekayaan. Oleh yang demikian, kadar dan hitungan jumlah yang diperlukan oleh seseorang pewakaf turut disentuh melalui ungkapan “*harta yang lebih daripadanya*” yang boleh difahami bahawa harta yang dimiliki seseorang yang bukan keperluannya. Oleh sebab itu, pengagihan harta kekayaan itu perlu dinikmati oleh orang lain.

Dengan ini jelaslah bahawa kedua-dua Hadis Bukhari dan Muslim No 1631 dan Sahih Muslim No 3085 menunjukkan bahawa konsep berwakaf adalah memulangkan hak Allah SWT dan bermatlamat mendapat reda Allah SWT. Sementara itu, Hadis Shahih Bukhari No 5180 pula menggambarkan tentang harta yang sangat disayangi, namun diwakafkan untuk mendapat reda Allah SWT. Diriwayatkan bahawa Abu Talhah berkata kepada Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT”

(Shahih Bukhari: 5180).

Berdasarkan Hadis, yang diriwayatkan Anas bin Malik ini, Abu Talhah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah antara kebun kurma yang disayangnya ialah kebun kurma di Bairuha yang terletak berdekatan dengan sebuah masjid. Rasulullah SAW sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang sangat nyaman.

Dalam pada itu, beberapa Hadis yang lain pula menunjukkan tentang medium berwakaf dalam pelbagai bentuk antaranya melalui Hadis Sahih Muslim No 1634, Rasulullah SAW telah bersabda:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Bahawa Khalid telah mewakafkan baju besinya dan beberapa kelengkapan perangnya pada jalan Allah SWT”
(Sahih Muslim: 1634).

Dengan demikian, medium berwakaf berdasarkan Hadis ini jelas melalui penggunaan instrumen, kelengkapan perang antaranya baju besi sebagai mekanisme wakaf. Justeru, dapat difahami bahawa instrumen tersebut diwakafkan bertujuan mendapat reda Allah SWT.

Di samping itu, penggunaan tanah untuk dijadikan tapak masjid telah disebut di dalam Hadis Shahih Muslim No 816 daripada Anas r.a, beliau telah berkata: ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah dan memerintahkan supaya membina masjid. Baginda bersabda:

“Wahai Bani Najjar! kamu taruhkanlah kepadaku harga kebun kamu ini (untuk dibayar)”. Maka jawab mereka: Demi Allah, tidak kami minta harganya melainkan kepada Allah Ta’ala”, (Maka Rasulullah SAW mengambil tanah kebun itu dan terus membinanya masjid)

(Sahih Muslim: 816).

Sementara itu, terdapat juga Hadis mengenai wakaf telaga air. Terdapat riwayat yang menceritakan tentang harta wakaf telaga air. Melalui Hadis Sunan An- Nasai No 3465 jelas mempamerkan tentang wakaf telaga air sebagaimana berikut.

Dari Sa'id Al Jurairy dari Tsumamah ibnu Hazn Al-Qusyairy berkata: "Aku berada di rumah dimana Usman mendekati orang-orang, dan berkata: "Aku hendak mempersaksikan kalian dengan Nama Allah dan Islam, tahukah kamu, ketika “Rasulullah SAW datang di Madinah, saat itu di Madinah tidak ada air yang segar diminum kecuali telaga yang bernama Rumah milik orang Yahudi. Maka beliau bersabda: "Barang siapa yang membeli sumur itu, kemudian ia mempergunakannya bersama-sama kaum muslimin dengan baik, maka balasannya adalah syurga." Maka aku membelinya dengan wang dari modal hartaku, kemudian ku gunakan telaga itu bersama-sama kaum muslimin” (Sunan An-Nasai: 3465).

Berdasarkan Hadis tentang wakaf perigi yang dibincangkan, perkara ini memperlihatkan matlamatnya tetap sama iaitu untuk memperolehi kebaikan, memanfaatkan harta untuk kepentingan bersama. Justeru, secara keseluruhannya, perincian mengenai perbincangan Hadis berkenaan dikemukakan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perbincangan Hadis Tentang Wakaf

Nama Hadis Atau Riwayat	Hadis	No Hadis
Bukhari dan Muslim	Apabila telah wafat anak Adam, maka terputuslah (pahala) amalannya kecuali tiga perkara. Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak soleh yang berdoa untuknya (ibu bapa)”	1631
Sahih Muslim	“Umar bin Al-Khattab telah mendatangi Nabi SAW, lalu berkata, “Wahai Rasulullah, saya memperolehi tanah di Khaibar yang saya tidak menyukai sama sekali harta yang lebih daripadanya, maka apa yang kamu serukan kepadaku?” Nabi menjawab, Jika kamu ingin tahan pokoknya dan bersedekah dengannya. Lalu Umar bersedekah dengan hasil bumi tanah itu. Tanah tersebut tidak dijual, tidak dihibahkan, dan tidak diwariskan. Umar bersedekah dengannya kepada orang-orang fakir, hamba, di jalan Allah, orang yang di perjalanan, dan memakan sebahagian daripadanya dengan cara baik, dan memberi makan bukan untuk memperkaya diri”	3085
Shahih Bukhari	“Sesungguhnya harta yang paling aku sayangi adalah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT” (Shahih Bukhari: 5180)	5180
Sahih Muslim	“Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Bahawa Khalid telah mewakafkan baju besinya dan beberapa kelengkapan perangnya pada jalan Allah SWT”	1634
Sahih Muslim	“Wahai Bani Najjar!, kamu taruhkanlah kepadaku harga kebun kamu ini (untuk dibayar)”. Maka jawab mereka: Demi Allah, tidak kami minta harganya melainkan kepada Allah Ta’ala”, (Maka Rasulullah SAW mengambil tanah kebun itu dan terus membinanya masjid)	816
Sunan An-Nasai	Dari Sa'id Al Jurairy dari Tsumamah ibnu Hazn Al-Qusyairy berkata: "Aku berada di rumah dimana Usman mendekati orang-orang, dan berkata: "Aku hendak mempersaksikan kalian dengan Nama Allah dan Islam, tahukah kamu, ketika “Rasulullah saw datang di Madinah, saat itu di Madinah tidak ada air yang segar diminum kecuali telaga yang bernama Rumah milik orang Yahudi. Maka beliau bersabda: "Barang siapa yang membeli sumur itu, kemudian ia mempergunakannya bersama-sama kaum muslimin dengan baik, maka balasannya adalah syurga." Maka aku membelinya dengan wang dari modal hartaku, kemudian ku pergunakan telaga itu bersama-sama kaum muslimin”	3465

ii. Hadis Mengenai Dinar Emas

Secara umumnya, Hadis yang membicarakan tentang dinar emas diteliti mempunyai beberapa aspek perbincangan. Perbincangan mengenainya dikemukakan dalam Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Perbincangan Hadis Tentang Dinar Emas

Nama Hadis@ Riwayat/Perawi	Hadis	No Hadis
Shahih Bukhari	Ali bin Abdullah menceritakan kepada kami, Sufyan menceritakan kepada kami, Syahid bin Gharqadah menceritakan kepada kami, ia berkata: saya mendengar penduduk bercerita tentang 'Urwah, bahawa nabi SAW memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau; lalu dengan wang tersebut ia membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar. Ia pulang membawa satu dinar dan satu ekor kambing. Nabi SAW mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Seandainya 'Urwah membeli debu pun, ia pasti beruntung"	3370
Shahih Muslim	"Janganlah kalian menjual satu dinar dengan dua dinar, dan jangan pula kalian menjual satu dirham dengan dua dirham"	2967
Shahih Muslim	"Dinar dengan dinar, tidak ada kelebihan antara kedua-duanya (jika dipertukarkan); dan Dirham dengan Dirham dan tidak ada kelebihan di antara kedua-duanya (jika dipertukarkan)"	2974
Shahih Bukhari	Tukarlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan dengan tangan ke tangan (serah menyerah). Maka apabila berlainan jenis barangan yang ditukar, maka tukarlah mengikut yang kamu suka asalkan dilakukan secara serahan pada waktu yang sama"	2971
Shahih Bukhari	"Sekiranya aku mempunyai emas sebesar gunung Uhud, sungguh aku pun tetap berkeinginan untuk tidak mempunyai tiga dinar padahal aku masih mempunyai satu dinar, itupun tak ada alasan bagiku untuk mencarinya selain kerana ada hutang yang harus aku bayar, yang aku harap ada orang menerima pembayaran hutangku"	6687
Shahih Bukhari	Dari Abu Hurairah r.a., dari Nabi saw., katanya: "Seorang laki-laki Bani Israil meminta kepada seorang Bani Israil lainnya supaya ia dipinjam wang seribu dinar, maka dipinjamkannya seribu dinar. Si peminjam pergi ke pelabuhan hendak berlayar, tetapi dia tidak mendapatkan kapal. Maka diambilnya sepotong kayu lalu dilubanginya, kemudian wang seribu dinar dimasukkannya ke dalam lobang itu, setelah ditutupnya, kayu itu dilemparkannya ke laut. Ketika orang yang memberi pinjaman pergi ke pinggir laut, ia menemukan sepotong kayu lalu diambilnya untuk kayu bakar bagi keluarganya. Setelah kayu itu di belahnya maka dapatan olehnya wang seribu dinar di dalam kayu itu"	0777

Shahih Bukhari	“Nabi SAW memakai cincin emas, lantas para sahabat juga membuat cincin emas, maka Nabi SAW bersabda: “Sungguh, aku dahulu memang memakai cincin emas,” Lantas beliau membuangnya dan bersabda: “Sekali-kali aku tidak memakainya lagi,”. “maka para sahabat juga membuang cincin mereka”	6754
Shahih Muslim	“Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar (harta) yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu, maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu”	1661
Sunan At-Termizi	“Qutaibah menceritakan kepada kami, Hammad bin Zaid memberitahukan kepada kami dari Tsabit dari Anas bin Malik, sesungguhnya Rasulullah saw melihat Abdurrahman bin Auf bekas-bekas warna kuning. Rasulullah saw bertanya; "Apakah ini?" Abdurrahman menjawab; "Saya telah kahwin dengan seorang perempuan dengan mahar satu butir emas". Rasulullah bersabda: "Semoga Allah memberkati mu, dan buatlah walimah walau dengan seekor kambing." Di dalam bab ini ada hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud, Aisyah, Jabir dan Zuhair bin Utsman. Hadisnya Anas adalah hadis hasan sahih. Ahmad bin Hambal berkata: "Ukuran satu butir emas iaitu tiga dirham dan sepertiganya". Ishaq berkata: "Ukurannya iaitu lima dirham dan sepertiganya"	1100
Shahih Muslim	“Hampir saja Furat mengumpulkan harta simpanan daripada emas. Barangsiapa menghidirinya, jangan mengambil apa pun”	5154
Shahih Muslim	Dari Abu Sa'id Al Khudri r.a., dari Nabi saw., sabdanya : "Tidak wajib dizakatkan bahan makanan pokok yang kurang dari lima wasq tidak pula binatang ternak yang kurang dari lima ekor; dan emas perak yang kurang dari lima uqiah"	0927

Berdasarkan penelitian, Hadis mengenai dinar emas banyak mengaitkan fungsinya sebagai instrumen pertukaran. Sebagaimana yang telah diriwayatkan Hadis.

“Ali bin Abdullah menceritakan kepada kami, Sufyan menceritakan kepada kami, Syahid bin Gharqadah menceritakan kepada kami, ia berkata: saya mendengar penduduk bercerita tentang ‘Urwah, bahawa nabi SAW memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau; lalu dengan wang tersebut ia membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar. Ia pulang membawa satu dinar dan satu ekor kambing. Nabi SAW mendoakannya dengan keberkatan dalam jual belinya. Seandainya ‘Urwah membeli debu pun, ia pasti beruntung”

(Shahih Bukhari: 3370).

Berdasarkan Hadis Shahih Bukhari No 3370 dinyatakan, fungsi dinar sebagai wang adalah jelas difahami melalui ungkapan “*memberikan wang satu dinar kepadanya agar dibelikan seekor kambing untuk beliau*”. Sehubungan dengan itu, perkataan dinar dikhususkan fungsinya sebagai

wang dan instrumen pertukaran. Turut sama dikemukakan fungsi wang sebagai penyimpan nilai melalui ungkapan “*membeli dua ekor kambing, kemudian ia jual satu ekor dengan harga satu dinar*” menunjukkan bahawa nilai wang tersebut masih sama walaupun dalam tempoh yang lain. Bersesuaian dengan peranannya sebagai instrumen pertukaran, dinar emas juga diteliti berdasarkan Hadis sangat bersangkutan dengan aktiviti jual beli. Beberapa aspek yang disentuh termasuklah berkaitan larangan terhadap unsur riba dan pembayaran hutang. Dengan sebab itu, Allah SWT sangat melarang hamba-Nya melakukan riba. Justeru, Hadis tentang dinar berikutnya menunjukkan riba adalah sesuatu yang haram dalam aktiviti perniagaan. Sabda Rasulullah SAW:

“Janganlah kalian menjual satu dinar dengan dua dinar, dan jangan pula kalian menjual satu dirham dengan dua dirham”

(shahih Muslim: 2967).

“Dinar dengan dinar, tidak ada kelebihan antara kedua-duanya (jika dipertukarkan); dan Dirham dengan Dirham dan tidak ada kelebihan di antara kedua-duanya (jika dipertukarkan)”

(Shahih Muslim: 2974).

“Tukarlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan sama kuantiti dan dengan tangan ke tangan (serah menyerah). Maka apabila berlainan jenis barangan yang ditukar, maka tukarlah mengikut yang kamu suka asalkan dilakukan secara serahan pada waktu yang sama”

(Shahih Bukhari: 2971).

Berdasarkan ketiga-tiga Hadis yang dikemukakan, Allah SWT melarang urusniaga dilakukan dengan menukarkan barangan yang tidak dari jenis yang sama iaitu berlebihan antara satu sama lain. Selain itu, turut memperlihatkan bahawa emas merupakan barangan yang tergolong dalam barangan *ribawiy*, barangan lain termasuk perak, gandum, barli, kurma dan garam. Oleh kerana sifatnya berunsur *ribawiy*, Allah SWT menekankan sekiranya barangan yang ditukar adalah berlainan, maka pertukaran perlu dilakukan pada waktu yang sama. Sebagaimana Rasulullah SAW telah bersabda:

“Menukar perak dengan emas adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar gandum dengan gandum adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar barli dengan barli adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama. Menukar kurma dengan kurma adalah riba kecuali serahan pada waktu yang sama”

(Shahih Bukhari: 2971).

Dalam pada itu, dinar emas turut dikaitkan sebagai instrumen pembayaran hutang dan alat pinjaman. Berdasarkan kepada Hadis Shahih Bukhari No 6687 berikut:

“Sekiranya aku mempunyai emas sebesar gunung Uhud, sungguh aku pun tetap berkeinginan untuk tidak mempunyai tiga dinar padahal aku masih mempunyai satu dinar, itupun tak ada alasan bagiku untuk mencarinya selain kerana ada hutang yang harus aku bayar, yang aku harap ada orang menerima pembayaran hutangku”

(Shahih Bukhari: 6687).

Membayar hutang merupakan satu kewajipan kepada umat Islam. Disebabkan itu, bagi sesiapa yang meminjam adalah suatu kewajipan ke atasnya untuk melangsaikan hutang tersebut. Hal ini diperkuatkan lagi menerusi Hadis Shahih Bukhari No 0777 sebagaimana berikut:

Dari Abu Hurairah r.a., dari Nabi saw., katanya: "Seorang laki-laki Bani Israil meminta kepada seorang Bani Israil lainnya supaya ia dipinjam wang seribu dinar, maka dipinjamkannya seribu dinar. Si peminjam pergi ke pelabuhan hendak berlayar, tetapi dia tidak mendapatkan kapal. Maka diambilnya sepotong kayu lalu dilubangnya, kemudian wang seribu dinar dimasukkannya ke dalam lobang itu, setelah ditutupnya, kayu itu dilemparkannya ke laut. Ketika orang yang memberi pinjaman pergi ke pinggir laut, ia menemukan sepotong kayu lalu diambilnya untuk kayu bakar bagi keluarganya. Setelah kayu itu di belahnya maka dapatan olehnya wang seribu dinar di dalam kayu itu"

(Shahih Bukhari: 0777).

Hadis ini mengaitkan tentang dinar emas sebagai alat pinjaman iaitu berupa wang yang dimanfaatkan kepada orang lain.

Selain fungsinya sebagai instrumen pembayaran hutang dan alat pinjaman, difahami juga bahawa dinar emas turut berfungsi sebagai perhiasan seperti pakaian dan cincin. Sebagaimana dalam sabda Rasulullah SAW:

"Nabi SAW memakai cincin emas, lantas para sahabat juga membuat cincin emas, maka Nabi SAW bersabda: "Sungguh, aku dahulu memang memakai cincin emas," Lantas beliau membuangnya dan bersabda: "Sekali-kali aku tidak memakainya lagi,". "maka para sahabat juga membuang cincin mereka"

(Shahih Bukhari: 6754).

Berdasarkan kepada Hadis Shahih Bukhari No 6754, Allah SWT melarang kaum lelaki memakai perhiasan yang diperbuat daripada emas seperti cincin. Dengan sebab itu, logam emas seperti cincin adalah perhiasan yang hanya dikhaskan kepada kaum wanita. Justeru, kaum lelaki dilarang sama sekali menyerupai kaum wanita. Selain larangan kepada kaum lelaki terhadap pemakaian emas, dinar emas juga turut berperanan sebagai salah satu instrumen. Perkara ini jelas apabila dinar emas turut digunakan sebagai logam yang berharga untuk dijadikan pembayaran mahar perkahwinan.

Perkara ini dilihat melalui Hadis berikut:

"Qutaibah menceritakan kepada kami, Hammad bin Zaid memberitahukan kepada kami dari Tsabit dari Anas bin Malik, sesungguhnya Rasulullah saw melihat Abdurrahman bin Auf bekas-bekas warna kuning. Rasulullah saw bertanya; "Apakah ini?" Abdurrahman menjawab; "Saya telah kahwin dengan seorang perempuan dengan mahar satu butir emas". Rasulullah bersabda: "Semoga Allah memberkati mu, dan buatlah walimah walau dengan seekor kambing." Di dalam bab ini ada hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud, Aisyah, Jabir dan Zuhair bin Utsman. Hadisnya Anas adalah hadis hasan sahih. Ahmad bin Hambal berkata: "Ukuran satu butir emas iaitu tiga dirham dan sepertiganya". Ishaq berkata: "Ukurannya iaitu lima dirham dan sepertiganya"

(Sunan At-Termizi:1100).

Sehubungan dengan itu, penggunaan emas sebagai pembayaran mahar perkahwinan adalah bukti fungsinya sebagai logam berharga. Kemudian, emas juga berfungsi sebagai harta simpanan. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda bahawa:

"Hampir saja Furat mengumpulkan harta simpanan daripada emas. Barangsiapa menghidirinya, jangan mengambil apa pun"

(Shahih Muslim: 5154).

Hadis Shahih Muslim No 5154 berikut memperlihatkan secara jelas bahawa emas dijadikan aset bernilai untuk mengumpulkan harta kekayaan oleh seseorang. Selanjutnya, Hadis mengenai dinar emas juga turut mengemukakan tentang kepentingan sedekah jariah untuk mendapat ganjaran daripada Allah SWT. Perkara ini telah dikemukakan dalam Hadis Shahih Muslim No 1661 bahawa:

“Dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah dan dinar (harta) yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan kepada orang miskin serta dinar yang kamu nafkahkan kepada keluargamu, maka yang paling besar ganjaran pahalanya adalah yang kamu nafkahkan kepada keluargamu”
(Shahih Muslim: 1661).

Daripada perbincangan mengenai Hadis ini, Allah SWT menyeru bahawa sedekah yang paling bermanfaat adalah sedekah kepada kaum keluarga sendiri.

Demikian juga, kaedah pengeluaran zakat turut dikaitkan dengan logam seperti perak dan dinar. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW bahawasanya:

Dari Abu Sa'id Al Khudri r.a., dari Nabi saw., sabdanya: "Tidak wajib dizakatkan bahan makanan pokok yang kurang dari lima wasq tidak pula binatang ternak yang kurang dari lima ekor; dan emas perak yang kurang dari lima uqiah"

(Shahih Muslim: 0927).

Berdasarkan Hadis ini dijelaskan tentang kaedah pembayaran zakat dan kewajipan pembayaran zakat ke atas emas yang dimiliki. Sehubungan dengan itu, dinar emas diteliti turut dikaitkan dengan penggunaannya sebagai instrumen atau kaedah untuk pembayaran zakat.

iii. Perbincangan Tentang Hadis Mengenai Dinar Emas Sebagai Medium Berwakaf

Secara keseluruhan, terdapat empat perkara yang dapat diteliti dalam perbincangan tentang Hadis mengenai wakaf. Pertama, Hadis yang dikemukakan mengenai wakaf tidak menyentuh aspek penggunaan dinar emas sebagai barangan untuk berwakaf. Kedua, terdapat Hadis yang mengemukakan aspek manfaat berwakaf secara jelas. Begitu juga Hadis yang menerangkan konsep berwakaf turut diterangkan dengan jelas dan difahami. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang konsep wakaf dalam bentuk dinar emas tidak ditemui. Ketiga, kebanyakan Hadis membicarakan tentang wakaf dalam bentuk harta tak alih seperti tanah dan tapak masjid. Keempat, terdapat Hadis tentang penggunaan medium berwakaf yang lain seperti instrumen seperti alatan perang dan perigi air.

Di samping itu, berdasarkan Hadis mengenai dinar emas terdapat enam perkara yang diteliti mempunyai kaitan dengan logam emas dan perak termasuklah kaitan dengan dinar dan dirham sebagai wang. Perkara-perkara berkenaan dengan dinar sebagai instrumen pertukaran, fungsinya dalam urusan jual beli iaitu larangan riba, pembayaran hutang dan alat pinjaman, berperanan sebagai instrumen perhiasan, harta simpanan, hantaran perkahwinan, sedekah jariah.

Sehubungan dengan itu, tidak ditemui tentang Hadis yang mengaitkan dinar emas sebagai satu medium berwakaf. Namun, terdapat Hadis mengenai dinar emas yang mengemukakan kaedah zakat. Walau bagaimanapun, kaedah zakat yang dimaksudkan bukan bererti penggunaan dinar emas sebagai instrumen untuk berzakat tetapi tentang pemilikan emas sebagai harta kekayaan menyebabkan perlunya kepada kewajipan berzakat. Seterusnya, bagi Hadis yang mengaitkan

dinar emas dengan amalan bersedekah. Didapati bahawa, Hadis tersebut memperlihatkan penggunaannya paling hampir dengan amalan berwakaf.

Sebagaimana yang telah dikemukakan dalam perbincangan sebelum ini bahawa wakaf adalah satu bentuk amalan membuat kebajikan dan kebaikan. Oleh yang demikian, unsur dinar emas dinyatakan secara terbatas dengan amalan bersedekah dan bukannya amalan berwakaf. Namun, dapat difahami bahawa emas adalah salah satu instrumen yang baik untuk digunakan sebagai sesuatu instrumen untuk berterusan dan disedekahkan.

iv. Perkaitan Wakaf Dengan Dinar Emas Menurut Quran dan Hadis

Secara umumnya, perkaitan antara wakaf dengan dinar emas menurut Quran dan Hadis ini diteliti kerana dalam Quran maksud wakaf adalah sesuatu yang bersifat umum, oleh yang demikian konsep wakaf dikaitkan dengan konsep bersedekah. Sementara itu, terdapat penggunaan perkataan dinar, emas, dirham dan *wariq* dalam Quran. Dalam Hadis pula, terdapat penggunaan perkataan dinar. Maka, keperluan meneliti perkara ini agar persoalan asas dinar emas sebagai medium berwakaf dapat diketahui.

Jadual 3: Perkaitan Wakaf dengan Dinar Emas Menurut Quran

QURAN TENTANG WAKAF	QURAN TENTANG DINAR EMAS
a) Tiada dalil yang khusus tentang amalan wakaf menggunakan dinar emas	a) Terdapat satu ayat yang menyebut tentang dinar dan lapan ayat tentang emas, satu ayat tentang Dirham dan <i>Wariq</i> .
b) Amalan wakaf tersirat dalam amalan bersedekah	b) Allah SWT menyeru melakukan amalan bersedekah, dinyatakan dalam ungkapan " <i>menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah</i> ". Terdapat penggunaan dinar atau emas dalam Quran dalam seruan bersedekah.

Merujuk kepada Jadual 3 di atas, terdapat dua kategori perbincangan yang dikemukakan. Pertama mengenai perkaitan antara dalil-dalil dalam Quran mengenai wakaf dengan dalil-dalil Quran mengenai dinar emas. Berdasarkan kepada dua perkaitan dalam Jadual 3 jelas menunjukkan bahawa tiada dalil yang menunjukkan bahawa berwakaf menggunakan dinar emas. Apatah lagi dalil mengenai wakaf juga turut terbatas kepada konsep sedekah. Oleh yang demikian, sekiranya diteliti dalil Quran mengenai wakaf, konsepnya adalah menjurus ke arah amalan bersedekah. Berbalik kepada dalil mengenai dinar emas pula, Allah SWT menyeru agar tidak menyimpan emas dan perak semata-mata tanpa membelanjakan harta tersebut ke jalan Allah SWT. Dengan ini, dapat difahami bahawa Allah SWT menggalakkan umatnya melakukan amalan sedekah termasuklah mewakafkan sesuatu yang berharga. Namun, sesuatu yang berharga, seperti emas dan perak merujuk kepada medium berwakaf dilihat sebagai logam yang berharga yang dapat memberi keuntungan kepada pemiliknya dan keuntungan kepada orang lain.

Jadual 4.: Perkaitan Wakaf dengan Dinar Emas Menurut Hadis

HADIS TENTANG WAKAF	HADIS TENTANG DINAR EMAS
a) Tidak ditemui tentang konsep wakaf yang menggunakan dinar emas	a) Tidak ditemui tentang dinar emas sebagai medium berwakaf
b) Keperluan kepada amalan bersedekah antara syafaat yang dibawa walaupun sudah meninggal dunia kelak	b) Penggunaan perkataan dinar emas dinyatakan secara terbatas dengan amalan bersedekah dan bukannya amalan berwakaf.

	Perkara ini dinyatakan dalam Hadis Shahih Muslim No 1661, ungkapan “ <i>dinar (harta) yang kamu belanjakan di jalan Allah SWT dan dinar (harta) yang kamu berikan kepada seorang budak wanita, dan dinar yang kamu sedekahkan</i> ”. Terdapat penggunaan perkataan dinar difahami sebagai sesuatu harta dalam bersedekah.
--	---

Berdasarkan kepada Jadual 4 pula, sudut pandangan beralih kepada Hadis. Merujuk Hadis berkenaan wakaf dan dinar emas penelitian mendapati bahawa tidak ditemui sebarang Hadis yang mengemukakan tentang dinar emas sebagai salah satu medium berwakaf. Walau bagaimanapun, terdapat penggunaan yang merujuk kepada amalan bersedekah, penggunaan perkataan dinar turut digambarkan sebagai sesuatu harta yang berharga dan Allah SWT menyeru agar hamba-Nya membelanjakan harta ke jalan yang diredai-Nya.

Kesimpulan

Analisis terhadap perbincangan pertama didapati bahawa dinar emas memenuhi fungsi wang dan sering dikaitkan dengan wang dalam Islam. Kedua, dalam Quran tidak ada sebarang nas yang mengemukakan tentang dinar emas sebagai medium berwakaf, dalam Hadis tidak terdapat dengan jelas tentang penggunaannya dalam amalan wakaf. Namun, kedua-duanya dikaitkan dengan penggunaan dalam amalan bersedekah.

Bibliografi

- Asmak Ab Rahman (2009). “Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya di Malaysia”, dlm *Jurnal Syariah*, 17(1), hlm. 113-152.
- Abdul. Shakor Borham & Siti Mashitoh Mahamood (2013). “Wakaf Korporat Johor Corporation dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan”, dlm. *Journal Of Techno-Sosial*, 2, hlm. 61-77.
- Muna Sulaiman, Mokhtar Ismail, Mohd.Isa Mohd. Deni & Hairullfazli Muhammad Som (2015). “Perkembangan Wakaf Pendidikan Di Singapura”, dlm. *Journal Of Educational Policy*, 2, hlm. 267-291.
- Syahnaz Sulaiman, Aznan Hasan & Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad (2016). “Pembangunan Dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf Dari Perspektif Islam”, dlm. *Jurnal Kanun*, 28 (1), hlm. 68-100.
- Mohamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli (2015) “Pemeriksaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan”, dlm. *Labuan e-Journal Of Muamalat and Society*, 9, hlm. 1-13.
- PRPM @ DBP Malaysia (2008). (Atas talian), <http://prpmv1.dbp.gov.my/>, Dimuat turun pada 1 Januari 2008.
- Zaharuddin Abd. Rahman (2014). *Contemporary Islamic Finance Architecture*. Selangor, Malaysia: Percetakan Mesbah Sdn Bhd.
- Yusuf al-Qaradawi (1997). Tipu Daya Halalkan Riba, dlm. Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim (eds.), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Bakhtiar Alrazi & Hanifah Abdul Hamid (2004). *The Mechanism of Gold Dinar*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Krishna Adityangga & Siti Murtiyani (2009). *Mekanisme Aplikasi Penggunaan Wang Dinar dan Dirham Di STEI HAMFARA Yogyakarta Indonesia*, Kertas kerja dibentangkan di Prosiding Seminar Antarabangsa Penjanan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor pada 27 Ogos 2009.